

**NO. SOALAN: 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8220**

**SOALAN:**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah aktiviti perjudian mesin kuda yang dikatakan telah dibendung melalui operasi-operasi di seluruh negara kini telah menular semula. Apakah tindakan yang akan terus diambil untuk membanteras aktiviti perjudian mesin kuda memandangkan kegiatan tersebut telah mula menapak untuk berleluasa semula terutama di Sibu.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak PDRM, khususnya Jabatan Siasatan Jenayah memandang serius aktiviti perjudian haram terutama yang melibatkan penggunaan internet di seluruh negara. Pihak PDRM sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah perjudian ini yang banyak menimbulkan masalah sosial dan menghindari amalan negatif terutama di kalangan golongan remaja. Pihak polis telah melancarkan operasi khas pada Oktober 2014 di seluruh negara bagi membanteras kegiatan perjudian sehingga ke akar umbi yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket-sindiket perjudian.**

**Bagi menentukan aktiviti perjudian ini dapat ditangani sepenuhnya daripada berulang kembali, PDRM telah menubuhkan unit pemantau yang diletakkan di bawah Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) bagi memastikan gejala judi haram diperangi sehingga ke akar umbi. Pasukan ini akan memantau semula premis-premis yang pernah diserbu bagi memastikan premis berkenaan tidak kembali menjalankan semula aktiviti mesin perjudian haram.**

**Pihak polis sememangnya serius untuk membasmi kegiatan perjudian ini dan kini sedang memantau *Modus Operandi* (MO)**

baru yang digunakan oleh sindiket-sindiket seperti mengubah lokasi daripada premis peniagaan ke kondominium serta rumah kediaman bagi mengaburi mata pihak penguatkuasa.

Bagi memastikan tindakan yang lebih berkesan dan memberi impak terhadap aktiviti perjudian ini, pihak PDRM telah menubuhkan *Special Task Force For Anti Vice, Gaming and Gangsterism (STAGG)* bagi menangani masalah perjudian dalam negara.

Usaha dan tindakan yang diambil oleh polis melalui operasi “Op Dadu” yang dilakukan secara agresif dan berterusan dilihat dapat mengekang gejala ini dari terus berlaku. Namun demikian usaha ini tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa ada penglibatan daripada orang ramai dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis di samping orang ramai perlu menghindari aktiviti yang tidak sihat ini. Aktiviti perjudian akan terus wujud jika ada permintaan daripada pemain.